

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 17 MAC 2016 (KHAMIS)
SOALAN : 6

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan lokasi perkhidmatan pos bergerak yang telah dijalankan, akan dijalankan dan tidak mendapat sambutan mengikut tahun dari 2011 hingga 2016.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Saya pohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Lumut pada 21 Mac 2016** kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan **perkhidmatan Pos**.

Untuk makluman Dewan yang Mulia, industri pos Negara telah berevolusi bagi kekal relevan seiring dengan kepesatan kemajuan teknologi masakini. Kerangka kawal selia perkhidmatan pos telah diberi nafas segar dengan pengubalan Akta Perkhidmatan Pos 2012 menggantikan Akta Perkhidmatan Pos 1991. Oleh demikian, pihak Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan terus memperkasa industri pos Negara bagi memastikan kemajuannya daripada segi ekonomi

SOALAN NO: 6

berkembang positif demi menjamin kepentingan rakyat dalam mendapatkan perkhidmatan pos bertaraf dunia. Dalam proses pemerkasaan ini, beberapa inisiatif telah diperkenal dan dilaksanakan. Antaranya termasuklah perkhidmatan pos bergerak.

Bagi menjawab pertanyaan daripada **YB Bakri**, Inisiatif perkhidmatan pos bergerak ("*Pos on Wheels*" atau "*PoW*") diwujudkan untuk memastikan masyarakat luar bandar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan asas pos yang lengkap sepertimana yang terdapat di kaunter pejabat pos.

Sehingga kini, sebanyak 28 buah POW telah beroperasi di seluruh negara yang memberi perkhidmatan kepada 215 buah lokasi dari tahun 2011 sehingga tahun 2016. Untuk rekod YB Bakri juga, terdapat sebuah PoW ditempatkan di Air Hitam yang jaraknya lebih kurang 15 kilometer dari Bakri seminggu sekali.

Bagi menjawab pertanyaan daripada **YB Lumut**, pada pertengahan bulan Disember 2015, negara Australia telah dilanda bencana alam ribut taufan dan ini telah menyebabkan gangguan kepada perkhidmatan awam dan infrastruktur termasuk perkhidmatan pos. Pihak "Australia Post" telah memaklumkan berhubung gangguan perkhidmatan pemprosesan dan serahan mel susulan di kesemua cawangan pejabat pertukaran antarabangsa Australia sejak 7 Disember 2015 dan berterusan sehingga bulan Disember 2015.

SOALAN NO: 6

Keadaan ini telah memaksa pihak Australia Pos untuk menghentikan operasi di kawasan-kawasan yang terlibat, dan ia telah mengganggu aktiviti pos “inbound” serta “outbound”, dengan izin, di Australia.